

# Khairy tidak berasa terjejas kritikan Dr M

## Naib Ketua Pemuda Umno mahu tumpu pelaksanaan RMK-9

Oleh Ahmad Naim Tahir

**R**EMBAU: Naib Ketua Pemuda Umno, Khairy Jamaluddin berkata beliau tidak berasa terjejas dengan tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad yang terus mengaitkan namanya dalam kritikan terhadap kepemimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

"Saya tidak terjejas dengan komen-komen itu (oleh Tun)... saya tidak faham mengapa komen sedemikian dibuat, tapi saya tidak terjejas," katanya.

Beliau yang juga Ketua Pemuda Umno Rembau, berpendapat ahli-pergerakan itu secara keseluruhan sudah memahami isu yang ditimbulkan bekas Perdana Menteri itu.

Katanya, maklum balas daripada ahli Pemuda adalah untuk memberi tumpuan kepada perjuangan sebenar, iaitu pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dan persiapan menghadapi pilihan raya umum akan datang.

"Datuk Seri Hishammuddin Hussein (Ketua Pemuda Umno) ada buat kenyataan yang pemimpin Pemuda akan turun ke peringkat akar umbi beri penjelasan, tapi saya rasa keseluruhan akar umbi sudah faham isu ini.

"Mereka juga tahu segala masalah pada hari ini," katanya selepas ber-

sama isteri, Nori Abdullah menghadiri majlis rumah terbuka Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan di Kampung Tanjung, Rantau, dekat sini semalam.

Beliau berkata, agenda sama serta yang membabitkan pembangunan ekonomi orang Melayu dan modal insan juga akan menjadi tumpuan perbahasan pada perhimpunan pergerakan itu, November ini.

Rabu lalu, Dr Mahathir mendakwa pemilihan Khairy sebagai Naib Ketua Pemuda boleh dipertikaikan kerana Hishammuddin menegah calon lain bertanding jawatan itu untuk memberi laluan kepada menantu Perdana Menteri.

Ditanya sama ada isu serta kritikan yang dibangkitkan Dr Mahathir akan turut dibahaskan perwakilan ketika perhimpunan pergerakan itu, Khairy berkata: "Itu kita tak tahu".

"Nak dibahaskan dalam konteks apa?... saya tak tahu sama ada perwakilan akan bangkitkan isu ini, tetapi saya percaya Datuk Seri Hishammuddin dalam ucapan dasarnya akan lebih menumpukan RMK-9.

"Agenda seperti itulah yang menjadi tumpuan Pemuda pada hari ini, bukan benda lain," katanya.

Perhimpunan Agung Umno Ke-57 akan berlangsung selama enam hari, bermula 13 November ini.